

17/05/2004

Dua pelajar UiTM tawan Everest

By Nazmi Yaakub

SHAH ALAM: Dua pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang menyertai cabaran ekspedisi Demi Negara Ke Everest 2004, berjaya menawan gunung tertinggi dunia itu semalam.

Muhamad Muqharabbin Mokhtarruddin dan Ahmad Reduan Rozali, masing-masing pelajar tahun akhir Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi serta Fakulti Sains Gunaan, menjejakkan kaki di puncak setinggi 8,850 meter itu pada jam 11 pagi semalam waktu Malaysia (8.45 pagi waktu Nepal).

Kejayaan itu diumumkan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Tala'at Hussin pada sidang akhbar di sini, semalam.

Kejayaan dua pelajar berusia 22 tahun itu selepas pendakian selama lima hari sejak 12 Mei lalu, sekali gus menjadikan UiTM sebagai universiti pertama di Asia Tenggara menawan Everest.

Mereka memulakan peringkat akhir pendakian dengan meninggalkan Kem 4 pada ketinggian 7,984 meter pada jam 4.00 petang waktu Nepal, Sabtu lalu dan sampai di Hillary Step pada jam 7 pagi serta South Summit 8 pagi semalam.

Perjalanan mereka dari South Summit ke puncak Everest sejauh 300 meter mengambil masa 45 minit dan mereka berada di puncak berkenaan selama 40 minit. Dua pendaki itu dijangka tiba di Base Camp pada 23 Mei ini.

Turut menyertai ekspedisi itu ialah Pegawai Pengiring, Muhamad Fauzan Hassan; Pegawai Latihan, Prof Madya Zulkifli Abdul Kadir dan Pegawaim Perubatan, Prof Madya Dr Anuar Suun.

Sebelum mendaki Gunung Everest, kedua-dua pelajar itu menjalani latihan pendakian lanjutan di Wanaka, New Zealand dari 30 Julai hingga 20 Ogos tahun lalu.

Ekspedisi anjuran Kementerian Belia dan Sukan serta UiTM menelan belanja RM1.5 juta yang merangkumi perbelanjaan untuk latihan di dalam dan luar negara, peralatan, permit trekking, bayaran agensi, makanan, pengangkutan dan agensi.

Sementara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengucapkan tahniah atas kejayaan pelajar itu menawan Everest.

"Alhamdulillah. Itu kecemerlangan di kalangan yang terbilang. Untuk capai ke puncak Himalaya, bukan semua orang boleh buat. Saya berharap mereka dapat balik dengan selamat dan sihat walafiat," kata Abdullah selepas melancarkan sambutan Hari Guru 2004, di sini semalam.

Di PUTRAJAYA, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad turut berbangga dengan kejayaan dua pelajar UiTM itu dan berharap ia menjadi pendorong kepada cabaran baru.

"Saya ucapkan tahniah," katanya ketika menghadiri majlis perkahwinan anak lelaki pasangan ketua pegawai keselamatan kerajaan, Jabatan Perdana Menteri Yaakob Zain dan isteri Harrison Mohd Noor di Presint 8.

Dr Mahathir berkata, berkat ketekunan dan ketabahan Ahmad Reduan dan Muhammad Muqharabbin akhirnya mereka berjaya mendaki gunung tertinggi di dunia.

"Saya yakin ia (kejayaan pendakian) meyakinkan semua anak muda (untuk menyahut cabaran yang sama)," katanya.

Beliau berkata, banyak lagi cabaran boleh disahut dan diikuti golongan muda dan pelajar jika mereka mempunyai minat, ketekunan dan disiplin yang tinggi terhadapnya.

"InsyaAllah, ada banyak lagi cabaran lain mesti dicuba, tak semestinya naik gunung... seperti berenang atau pergi ke Kutub Selatan. Lontarkan

cabaran ke Kutub Selatan pula selepas ini," katanya.  
(END)